

Warning: Invalid argument supplied for foreach() in `/home/proton/public_html/portal/plugins/system/ki_mootools_control.php` on

line

56

Cheng, 7 Februari 2009 - Satu lawatan Ke Rumah Seri Kenangan Cheng (RSK) telah di anjurkan ProtonClub.Com Negeri Melaka (ProCC). Program yang dinamakan "Program Jalinan Kasih" bertujuan untuk memberi kesedaran kepada ahli-ahli supaya dapat menghargai dan menghormati warga tua. Program jalinan Kasih ini melibatkan hampir 40 buah kereta dan 60 orang ahli dari Melaka, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Konvoi bermula dari perkarangan letak kereta Bangunan PKNM di MITC, Ayer Keroh. Dengan bantuan 2 pegawai trafik bermotor dan kumpulan marshal dari ProCC sendiri, konvoi berjalan lancar dan mengambil masa lebih kurang 20 minit untuk sampai ke Rumah Seri Kenangan, Cheng.

Setiba di sana, satu ucapan alu-aluan dan taklimat oleh Timbalan Penguasa RSK Tuan Haji Imran berkenaan dengan Rumah Seri Kenangan. Sumbangan telah di serahkan kepada Timbalan Penguasa RSK oleh Pengerusi ProCC Negeri Melaka. Kemudian kami telah di dengarkan lagu Oh Fatimah oleh Pak Akob, salah seorang warga RSK dan majlis bertambah meriah apabila 2 orang warga RSK menari diatas pentas . kemudian kami telah di bawa ke dewan makan, dimana ketika itu warga tua sedang makan tengahari. Selepas itu, kami melawat ke asrama RSK bagi melihat keadaan warga tu ketika berada di dalam asrama.

Pengerusi Negerinya, Mohd Huzaimi Bin Md Den berkata, "Program ini adalah program kebajikan yang pertama diadakan dan Rumah Seri Kenangan telah dipilih menjadi lokasi utama dalam 'Program Jalinan Kasih' ini. Ini adalah satu usaha murni untuk merapatkan silaturahim antara ahli-ahli ProCC di samping dapat beramah mesra dengan warga RSK." Program ini bertambah meriah dengan kehadiran Presiden ProtonClub.Com Malaysia, En. Mohd Hifni Bin Ghazali.

Konvoi ProCC sangatlah kemas,
Ahlinya suka solek kereta,
Mari cintai warga emas,
Tanpa mereka siapalah kita